

05 OCT 2003

LIMA-Buku

BUKU "WINGS OF AN EAGLE" UNTUK KENANG JASA PM

LANGKAWI, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan buku "Wings of An Eagle" bagi mengenang sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap perkembangan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) dan pembangunan keseluruhan pulau itu.

"Perdana Menteri merupakan orang yang bertanggungjawab bagi menjayakan LIMA serta usaha untuk membangunkan pulau Langkawi sehingga menjadi sebuah pulau bertaraf antarabangsa," katanya ketika melancarkan buku itu yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Subhan Jasmon hari ini.

"Tidak ada orang yang dapat menafikan bahawa beliau adalah orang penting disebalik kejayaan LIMA dan Langkawi," kata Najib.

Yang turut hadir pada majlis yang berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) ialah Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd Tan Sri Abdul Wahab Nawi dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Sdn Bhd Datuk Radzi Manan.

Buku yang ditulis oleh bekas Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Datuk A.Kadir Jasin itu diterbitkan oleh syarikat Mutiara Grafik Sdn Bhd dan dijual pada harga RM150 naskhah.

Najib berkata kesungguhan Perdana Menteri terhadap LIMA jelas apabila setiap kali pameran itu diadakan, beliau akan mengunjungi setiap peserta sambil meluangkan masa menerima kunjungan hormat daripada pelbagai pihak.

Katanya ketika cadangan untuk menganjurkan LIMA pada 1991, banyak pihak termasuk kerajaan dan penganjur, ragu-ragu sama ada ia boleh berjaya memandangkan pulau itu kekurangan pelbagai kemudahan.

Menurut Najib atas kesungguhan Dr Mahathir dan kerajaan kepimpinannya, LIMA bukan sahaja berjaya malah Pulau Langkawi turut pesat membangun melampaui jangkauan.

Najib berharap buku "Wings of An Eagle" itu akan meninggalkan kesan terhadap pembaca.

Katanya beliau akan menyerahkan buku tersebut kepada Perdana Menteri tidak lama lagi.

-- BERNAMA

MHI RBZ LAT